

JANUARI-MAC

# BULETIN Perpustakaan UTeM

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA



## Campus Tour @ Perpustakaan

Perkhidmatan RFID beroperasi di UTeM

Kelas Kemahiran Maklumat di Perpustakaan

Perpustakaan anjurkan Pameran Kemerdekaan

Pengoperasian Perpustakaan Kampus Bandar



TAKLIMAT Perpustakaan kepada pelajar baru sesi 2008/



Perkhidmatan Unit Sirkulasi ^ Media

# Tinta Ketua Pustakawan

Pn. Hajah Faridah Haji Md. Amin



Dari Meja Ketua Editor

Assalamualaikum wbt. / Salam Sejahtera

Saya bersyukur ke hadrat Illahi kerana dengan limpah kurnia-Nya, Pejabat Perpustakaan dapat menerbitkan Buletin Perpustakaan UTeM edisi sulung Pejabat Perpustakaan UTeM.

Saya bagi pihak warga kerja Redaksi mengucapkan terima kasih kepada Ketua Pustakawan UTeM atas cetusan idea bagi penerbitan buletin ini. Begitu juga dengan sokongan, dokongan dan dorongan semua staf Pejabat Perpustakaan bagi menjayakan buletin ini.

Perancangan awalan penerbitan Buletin ini adalah untuk tempoh 6 bulan sekali. Justeru besarlah harapan kami dari Sidang Redaksi agar segala aktiviti yang berhasil oleh Pejabat Perpustakaan begitu jua dengan perkhidmatan terkini berkaitan dapat disalurkan kepada semua staf UTeM untuk dikongsi bersama.

Akhir kalam, setinggi-tinggi tahniah buat semua yang telah menjayakan penerbitan Buletin Perpustakaan UTeM ini.

Tahniah dan Syabas

## Assalamualaikum wbt.

Bersyukur ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah kurnia-Nya terhasillah penerbitan buletin sulung Pejabat Perpustakaan UTeM ini yang dikenali sebagai Buletin Perpustakaan UTeM. Tahniah dan syabas diucapkan kepada sidang redaksi Buletin Perpustakaan UTeM amnya dan staf Pejabat Perpustakaan khususnya yang berhempar pulas menjayakan penerbitan ini.

Sebagai Ketua Pusat Tanggungjawab yang menyelaraskan hal ehwal Perpustakaan ini, saya merasakan kehadiran Buletin Perpustakaan UTeM adalah bertepatan dengan hasrat UTeM yang meletakkan pelajar sebagai teras untuk memenuhi misi dan visi universiti dimana peranan Perpustakaan adalah sebagai hub kepakaran dan sumber rujukan kepada semua staf dan juga kepada mahasiswa-mahasiswi UTeM sendiri.

Penerbitan Buletin Perpustakaan UTeM ini menjadi wadah penyalur maklumat dikalangan warga Universiti selain pemangkin kepada mempromosikan aktiviti-aktiviti ilmiah dan akademik juga wacana ilmu yang berjaya dilaksanakan oleh Perpustakaan. Selain itu, ianya juga menjadi medium kepada ahli akademia untuk bersama menghasilkan sebarang bentuk penulisan dan penerbitan ilmiah untuk dikongsi bersama di dalam buletin ini sejajar dengan aspirasi Universiti.

Syabas.... "Kompetensi Teras Kegemilangan"

## ..... Mutiara Kata Membaca

'Buku Adalah Kunci Kepada Khazanah Kebijaksanaan  
Buku Adalah Pintu Dunia Keseronokan  
Buku Adalah Jalan Kepada Kejayaan  
Buku Adalah Sahabat, Ayuh Mari Membaca'

*Francis Bacon*

'Reading Is A Basic Tool In The Living Of A Good Life'  
*Joseph Addison*

## Sidang Redaksi

Penasihat	Hajah Faridah bte Hj. Md. Amin
Ketua Editor	Syamsul Iqbal bin Hj. Mohd Akin
Penolong Ketua Editor	Arman bin Mohamad
Editor	Fauziah binti Hassan
Grafik & Rekaletak	Wizana binti Abd. Jalil
Pembaca Pruf	Norhairol bin Khalid
Jurugambar	Azman bin Amir
	Asmadi bin Md Daud
	Norhairol bin Khalid
	Mohd Ikbar bin Abdul Jabbar

# SEJARAH PERPUSTAKAAN UTeM

BULETIN Perpustakaan UTeM 3



Pada 5 September 2005, Perpustakaan UTeM telah berpindah dari Kampus Sementara ke kampus sekarang iaitu Kampus Industri dan telah beroperasi sejak 12 September 2005. Perpustakaan di Kampus Industri yang berkeluasan 2,229 meter persegi mampu menampung kapasiti pengguna seramai 400 orang pada satu - satu masa.

Kampus Industri Taman Tasek Utama, Ayer Keroh (2005 - Sekarang)

Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) ditubuhkan selaras dengan penjenamaan semula daripada Kolej Universiti Teknikal Kebangsaan Malaysia (KUTKM) di bawah Seksyen 8 Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 (Akta 30) menerusi Perintah Universiti Teknikal Malaysia Melaka (Pemerbadanan 2007) yang telah diwartakan sebagai P.U. (A) 45/2007 pada 1 Februari 2007.

Perpustakaan UTeM mula memberikan perkhidmatannya kepada masyarakat kampus pada 10 Jun 2001 bersempena dengan pendaftaran pelajar perintis seramai 348 orang di Kampus Sementara di Taman Tasik Utama, Ayer Keroh Melaka dan ia merupakan pusat kecemerlangan ilmu bagi warga UTeM.

Kampus Sementara Rumah Kedai Taman Tasek Utama, Ayer Keroh (2001-2005)



UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA


Manakala Perpustakaan Cawangan Kampus Tetap pula menyediakan kapasiti 120 tempat duduk dalam satu - satu masa dengan keluasan ruang 432 meter persegi bagi menampung keperluan pengguna dari dua fakulti iaitu Fakulti Kejuruteraan Elektrik (FKE) dan Fakulti Kejuruteraan Elektronik & Kejuruteraan Komputer (FKEKK).

Kampus Cawangan Tetap, Durian Tunggal (2005 - Sekarang)

Perpustakaan UTeM juga telah membuka cawangannya di Kampus Bandar, Jalan Hang Tuah, Melaka yang telah beroperasi pada 01 Oktober 2007 bagi menyediakan kemudahan rujukan untuk pelajar siswazah yang mengikuti kursus di Institut Pengurusan Teknologi & Keusahawanan (IPTK) dan kursus-kursus jangka panjang dan pendek Universiti. Perpustakaan cawangan ini boleh menampung kapasiti pengguna seramai 80 orang dalam satu-satu masa.

Sehingga April 2008, koleksi Perpustakaan telah mencelah hampir 55,000 naskah. Koleksi ini meliputi bidang teras UTeM iaitu Kejuruteraan Elektrik, Kejuruteraan Elektronik & Kejuruteraan Komputer, Kejuruteraan Mekanikal, Kejuruteraan Pembuatan, Kejuruteraan Teknologi Maklumat & Komunikasi. Di samping itu, terdapat juga koleksi di dalam bidang sains seperti fizik, kimia, matematik dan juga bacaan am. Perkembangan sumber ilmu ini mampu memenuhi keperluan pengajaran, pembelajaran, penyelidikan dan perundungan kepada warga universiti.





## Visi Perpustakaan

Menjadi pusat maklumat yang terunggul, komprehensif dan kompetitif dalam bidang teknikal.

## Misi Perpustakaan

Menyediakan sumber maklumat dan rujukan yang terbaik serta perkhidmatan berkualiti melalui penggunaan teknologi terkini dalam menyokong Visi dan Misi Universiti.

## Piagam Pelanggan

Kami warga Perpustakaan UTeM berjanji dan beritizam untuk memberikan perkhidmatan yang cekap, tepat dan berkualiti dengan mengutamakan kepuasan pelanggan.

## Objektif Perpustakaan

Memenuhi keperluan maklumat Universiti dengan menyediakan sumber yang menepati keperluan pengajaran, pembelajaran, penyelidikan dan perundingan.

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

Menyedia dan mempromosi perkhidmatan maklumat kepada pelanggan.

Meningkatkan kecekapan penyebaran ilmu dan maklumat kepada pelanggan.

Memupuk budaya ilmu di kalangan warga UTeM dan luar UTeM sebagai masyarakat berpengetahuan.

Membentuk warga Universiti berfikiran kreatif dan inovatif dalam melahirkan ahli profesional yang berketrampilan seiring dengan misi UTeM.

UTeM

اوینیورسیتی تکنیکال ملاکا

# Visi, Misi, Piagam Pelanggan & Objektif Perpustakaan UTeM

Bermula Jun 2008, seiring sebagai memenuhi kehendak pengguna perpustakaan Unit Sirkulasi telah meletakkan kakitangan bagi membantu pengguna yang menghadapi masalah di beberapa lokasi tertentu. Dengan peletakan ini di harap perpustakaan dapat memudahkan pengguna di dalam menggunakan perkhidmatan kami.

## PERKHIDMATAN Unit Sirkulasi & Media



### Bilik Media

- Segala urusan berkenaan dengan Unit Media boleh berurusan dengan kakitangan yang bertugas
- Antara perkhidmatan yang disediakan peminjaman CD, DVD, Video, Disket dan tempahan bilik tayangan.



### Bilik Fotokopi

- Pengguna yang memerlukan bantuan mengenai penggunaan peralatan di bilik ini boleh mendapatkan bantuan kakitangan yang bertugas
- Perkhidmatan : Fotokopi, Mengimbas dan Cetakan.
- Kesemua peralatan adalah berdasarkan sistem layan diri



### Meja Pemantauan

- Pengawasan keluar masuk pengguna
- Memastikan pengguna mematuhi segala peraturan dan larangan semasa menggunakan perkhidmatan perpustakaan seperti pemakaian pakaian, beg, pemeriksaan bahan dan lain-lain yang difikirkan jika melanggar peraturan yang ditetapkan oleh pihak perpustakaan.




Pendaftaran penggunaan Komputer untuk internet,tugasan dan pangkalan data secara berkomputer

### Pendaftaran Penggunaan Bilik Komputer

- Pengguna yang ingin menggunakan perkhidmatan komputer dikehendaki mendaftarkan diri di terminal ini.
- Pengguna hanya perlu memasukkan nombor matrik dan bebas memilih komputer yang ingin di gunakan sekiranya tiada pengguna sedia ada.

## PERKHIDMATAN RFID beroperasi di UTeM



Unit Automasi Perpustakaan UTeM sentiasa memainkan peranan yang penting dalam meningkatkan kualiti perkhidmatan yang melibatkan teknologi khasnya. Warga unit automasi mempunyai matlamat yang tinggi untuk memastikan setiap komputer dan rangkaian yang berada di perpustakaan sama ada yang digunakan oleh pelajar maupun staf perpustakaan berada ditahap terbaik. Sehubungan dengan itu, kecanggihan teknologi di era ini telah memberi ruang kepada Perpustakaan Utem membuat satu perubahan yang besar dalam menyediakan perkhidmatan yang berteraskan teknologi. Di antara perubahan yang dilakukan adalah memberi perkhidmatan pinjaman dan pemulangan secara layan diri atau lebih dikenali sebagai perkhidmatan RFID. RFID adalah proses identifikasi objek dengan menggunakan frekuensi transmisi radio. RFID menggunakan frekuensi radio untuk membaca maklumat dari sebuah tag atau transponder (Transmitter + Responder). Tag RFID akan mengenali diri sendiri ketika mengenal pasti signal dari tag yang lengkap iaitu pembaca RFID (RFID Reader). Proses kerja seperti rajah 1.

Di antara kebaikan yang diperolehi dari melaksanakan perkhidmatan RFID ialah :

- Proses pinjaman dan pemulangan lebih cepat di Kaunter Sirkulasi.
- Pengguna dapat menjimatkan masa dengan membuat transaksi pinjaman secara layan diri.
- Kawalan ke atas bahan lebih mudah.
- Membantu mengurangkan kehilangan atau kecurian bahan di dalam perpustakaan.
- Ia kini boleh diintegrasikan dengan mana-mana sistem perpustakaan.
- Lebih berkesan daripada sistem magnetik (magnetic strip) dari segi kos, masa dan keberkesanannya.

Adalah menjadi harapan agar seluruh warga kampus UTeM dapat merasai kemudahan yang disediakan oleh Perpustakaan UTeM yang akan dipertingkatkan dari masa ke semasa.

Oleh Siti Saliwa Jamil

## Pengoperasian Perpustakaan KAMPUS BANDAR



Pada tanggal 1 Oktober 2007 Perpustakaan Kampus Bandar UTeM telah pun beroperasi untuk memenuhi keperluan Fakulti Institut Pengurusan Teknologi dan Keusahawanan khasnya dan warga Kampus Bandar amnya. Perpustakaan ini beroperasi pada hari bekerja dari jam 8.00 pagi hingga 5.00 petang. Perkhidmatan dan kemudahan yang disediakan di Kampus Bandar adalah:

- a. Perkhidmatan Sirkulasi – pinjaman/pemulangan/pembaharuan pinjaman/tempahan bahan
- b. Perkhidmatan akses kepada Internet
- c. Perkhidmatan akses kepada pangkalan data secara atas talian
- d. Perkhidmatan Bilik Perbincangan
- e. Perkhidmatan Bilik Bacaan 24 jam
- f. Kemudahan OPAC (berasaskan web)
- g. Kemudahan WiFi
- h. Kemudahan mesin fotostat (menggunakan kad)
- i. Kemudahan penggunaan komputer
- j. Kemudahan mesin pengimbas dan pencetak
- k. Kemudahan tayangan televisyen & ruang bacaan akhbar
- l. Kemudahan sewaan loker berkunci

Koleksi yang terdapat di Perpustakaan Kampus Bandar UTeM setakat ini adalah sejumlah 1400 judul dan 90% koleksi yang ada adalah terdiri daripada bidang pengurusan dan keusahawanan. Namun begitu pembangunan koleksi perpustakaan akan diperingkatkan dari masa ke semasa selaras dengan pertambahan jumlah pelajar dan staf.

Adalah diharapkan agar warga Kampus Bandar UTeM dapat memanfaatkan kemudahan yang disediakan oleh perpustakaan untuk faedah dan kebaikan bersama.



# PROJEK

## PROJEK Mengimbas TESIS

Oleh Noraini Mohd Noor

Seiring dengan pertambahan pelajar dan keperluan pembelajaran pelajar UTeM serta komuniti di dalamnya, pihak perpustakaan berusaha untuk memantapkan lagi perkhidmatan dan penambahan koleksi bahan di perpustakaan dari pelbagai sudut. Dengan perkembangan sumber ilmu ini, diharapkan dapat memenuhi keperluan pengajaran, pembelajaran, penyelidikan dan perundungan kepada warga universiti.

Pada tahun 2008, projek utama yang dijalankan oleh Unit Hadiah dan Pertukaran ialah projek mengimbas tesis dari bentuk bahan bercetak kepada bentuk digital. Proses ini melibatkan 24 muka surat terawal tesis ke dalam format PDF bagi tujuan muatnaik tesis ke dalam Portal Perpustakaan bagi memudahkan proses pencarian maklumat. Tesis yang telah dibuka jilid ini kemudiannya akan dihantar ke syarikat penjilid untuk dijilid semula. Setelah lengkap dijilid, bahan ini seterusnya akan dikatalog dan ditempatkan di bilik koleksi khas yang menempatkan koleksi Projek Sarjana Muda, Tesis dan Penyelidikan Jangka Pendek atau Panjang (PJP).

Dengan usaha ini, diharapkan pengguna dapat merujuk isi kandungan tesis yang tersenarai terus dari portal perpustakaan tanpa perlu ke perpustakaan. Ini secara tidak langsung memudahkan pengguna merujuk isi kandungan tesis biar di mana pun mereka berada. Namun hanya sebahagian maklumat yang boleh dirujuk oleh pengguna kerana kandungan bahan tersebut dikawal oleh pihak perpustakaan bagi mengelakkan aktiviti palagi. Bagi pengguna yang berminat untuk merujuk isi kandungan tesis dengan lebih lanjut adalah digalakkan untuk beruruskan terus ke kaunter MPP untuk tujuan rujukan di dalam perpustakaan.

Projek yang bermula awal bulan Ogos ini dijangka selesai dan boleh digunakan sepenuhnya pada pertengahan bulan Oktober 2008. Bahan tesis yang disediakan ini diharapkan dapat dimanfaatkan sepenuhnya oleh warga universiti dalam menyokong aktiviti pengajaran, pembelajaran, penyelidikan dan perundingan.





## Perpustakaan Anjurkan Pameran Hari Ibu dan Bapa

(17/06/2008 – 30/06/2008)

Oleh Mohd Mawardi Badruddin

Pameran ini telah diadakan pada 17 Jun 2008 sehingga 30 Jun 2008 di Ruang Legar Perpustakaan. Tujuannya pameran ini diadakan untuk menambah kesedaran kepada pengguna Perpustakaan tentang besarnya pengorbanan kedua ibubapa. Antara maklumat lain yang dipamerkan adalah peranan ibubapa dan peranan anak-anak terhadap ibubapa. Juga diselitkan dengan maklumat mengenai pandangan tokoh-tokoh mengenai sambutan Hari Ibu dan Hari bapa.



بُيٰ تِكْنِيٰل مَلِيٰسِيٰ مَلاٰك (30/06/2008 – 14/07/2008)

## PAMERAN

### Perkhidmatan Perpustakaan kepada pelajar baru sesi 2008/2009

Oleh Mohd Mawardi Badruddin

Pameran ini diadakan bermula dari 30 Jun 2008 dan dijangka berakhir pada 14 Julai 2008. Pameran ini diadakan serentak di ketiga-tiga Perpustakaan iaitu di Kampus Industri, Kampus Tetap dan Kampus Bandar. Tujuannya adalah untuk mendedahkan kepada pelajar baru khasnya dan pengguna Perpustakaan amnya mengenai Koleksi Perpustakaan, Perkhidmatan Perpustakaan, Kemudahan Perpustakaan dan sebagainya. Juga diselitkan dengan ucapan mengalukan kedatangan pelajar baru ke UTeM dan ke Perpustakaan UTeM.



## TAKLIMAT Perpustakaan kepada pelajar baru sesj 2008/2009 (01/07/2008)

Oleh Mohd Mawardi Badruddin

Taklimat ini merupakan satu slot wajib yang terdapat dalam program Minggu Haluan Siswa (MHS). Taklimat ini telah dijadualkan pada 01 Julai 2008 jam 12.00 pm – 1.00 pm bertempat di Kompleks Sukan, Durian Tunggal. Kesemua pelajar baru telah mengikuti taklimat ini yang telah disampaikan oleh Encik Mohd Mawardi b. Badruddin, Pustakawan Unit Rujukan. Slot ini diadakan bertujuan untuk memberikan maklumat dan gambaran kepada pelajar baru tentang Perkhidmatan yang disediakan oleh Perpustakaan. Dalam program ini juga, para pelajar baru telah diberikan Buku Panduan Perpustakaan 2008/2009 untuk rujukan dan makluman.



## PAMERAN Kemerdekaan di Perpustakaan

Pameran Kemerdekaan bertajuk Komemoratif Kemerdekaan ini telah bermula pada 18 Ogos 2008 dan berakhir pada 12 September 2008. Ianya adalah bersempena dengan Sambutan Hari Kebangsaan Malaysia yang ke 51. Pameran ini telah dijalankan di ketiga-tiga kampus Perpustakaan dimana Perpustakaan Kampus Industri telah dijadikan pusat pameran utama. Pameran ini diadakan bertujuan untuk menggantikembali suasana sambutan Hari Kemerdekaan. Antara intipati pameran tersebut adalah ucapan-ucapan dan kata-kata hikmah bekas Perdana Menteri Malaysia, logo dan pengertiannya dari tahun 1976 sehingga tahun 2008, pencapaian Malaysia sejak kemerdekaan hingga hari kini dan banyak lagi. Di samping pameran tersebut, pelajar dan staf UTeM juga boleh memberikan ucapan sempena kemerdekaan pada kain rentang yang telah disediakan. Ucapan tersebut telah dipamerkan bersama-sama dengan pameran untuk tatapan umum.



# CAMPUS TOUR@ PERPUSTAKAAN

(03/07/2008)

Perpustakaan telah menerima 'Campus Tour' daripada pelajar baru sesi 2008/2009 pada 03 Julai 2008 yang lalu. Dalam program ini, pelajar telah diberikan taklimat ringkas dan dibawa melawat ruang-ruang yang terdapat di dalam Perpustakaan. Program ini telah dijayakan oleh semua staf Perpustakaan dan dibantu oleh facilitator-facilitator Minggu Haluan Siswa (MHS). Dengan program ini, para pelajar boleh melihat secara dekat mengenai kemudahan dan peralatan serta koleksi yang terdapat di dalam Perpustakaan.



**AYER KEROH, MELAKA.**- 18 Jun 2008 : Unit Perolehan Jurnal dengan kerjasama Access Dunia Sdn. Bhd. telah menganjurkan aktiviti demo pangkalan data buat julung kalinya bagi tahun 2008 di Makmal Eksekutif, Fakulti Teknologi Maklumat dan Komunikasi, UTeM.

Aktiviti ini berjaya mengumpulkan seramai 18 orang yang terdiri dari para pustakawan dan staf akademik. Objektif program demo ini adalah untuk memberi tunjuk ajar tentang penggunaan pangkalan data bagi membantu pengguna mencari maklumat, melatih serta membimbing pengguna untuk menggunakan pangkalan data secara efektif dan efisien, dan meningkatkan kefahaman mengenai pencarian maklumat melalui pangkalan data dalam proses pengajaran, pembelajaran dan penyelidikan.

Sesi demo ini telah dibentangkan oleh Mrs. Jennifer Yong dan Mr. Ng Ching Guan selaku wakil daripada Access Dunia Sdn. Bhd. Produk pangkalan data yang baru terdiri daripada 'e-book', 'e-jurnal' dan 'e-database' telah ditunjukkan tentang kaedah penggunaan, faedah yang diperolehi semasa menggunakan pangkalan data tersebut, bidang perkara, format abstrak dan teks penuh . Antara produk pangkalan data yang telah diperkenalkan seperti IGI Global Databases, SIAM journal online, H.W. Wilson General & Applied, Synthesis Morgan & Claypool, Digital Engineering Library (DEL), Ebrary, EngNetBase, Books 24x7 dan Ebook Reference Collection. Sesi demo ini telah dimulakan pada 9.30 petang dan berakhir jam 4.30 petang.

## Unit Perolehan Jurnal anjurkan Aktiviti Demo Pangkalan Data

Oleh Rasida Abu Bakar




# AKTIVITI

## AKTIVITI UNIT PEROLEHAN BUKU

Oleh Mahadir Che Ali

Bil.	Aktiviti	Tarikh	Masa	Tempat
1.	Pemilihan Bahan di Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur 2008 (KLBF 08)	4, 5 & 9 April 2008 (Jumaat, Sabtu & Ahad)	10.00 pagi hingga 5.00 petang	Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), Kuala Lumpur
2.	Pemilihan Bahan di "Showroom" Penerbit McGraw Hill	11 Jun 2008 (Rabu)	10.30 pagi hingga 4.00 petang	"Showroom" Penerbit McGraw Hill Shah Alam, Selangor
3.	Pameran Buku Akademik Anjuran Perpustakaan UTeM Pembekal : Edu Resources	12 Jun 2008 (Khamis)	9.30 pagi hingga 5.30 petang	Ruang Legar (berhadapan kaunter) Institut Pengurusan Teknologi Dan Keusahawanan
4.	Pameran Buku Akademik Anjuran Perpustakaan UTeM, Pembekal : RIMA Enterprise Sdn Bhd	18 hingga 19 Jun 2008 (Rabu & Khamis)	9.30 pagi hingga 5.30 petang	Ruang Legar Bangunan Akademik, Kampus Industri
5.	Pemilihan Bahan di "Showroom" Penerbit Pearson & Cengage	25 Jun 2008 (Rabu)	10.30 pagi hingga 4.00 petang	"Showroom" Penerbit Pearson & Cengage di Petaling Jaya, Selangor



Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur 2008 (KLBF 08) telah berlangsung pada 4 hingga 13 April 2008 bertempat di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), Kuala Lumpur yang melibatkan penerbit buku dari dalam dan luar negara. Pihak Perpustakaan UTeM telah membawa staf akademik sebagai wakil fakulti bagi sesi pemilihan bahan yang bersesuaian dengan bidang teras fakulti untuk koleksi perpustakaan pada tarikh seperti di atas. Seramai 27 orang staf akademik telah terlibat dalam sesi pemilihan bahan tersebut dengan hampir 3,342 judul bahan telah dipilih daripada tempat-tempat pameran penerbit-penerbit seperti McGraw Hill, Pearson, Cengage, Taylor & Francis, Unipress, Springer dan lain-lain. Sesi pemilihan ini telah diuruskan oleh Pustakawan Unit Perolehan Buku.

Satu sesi pemilihan bahan di "showroom" penerbit McGraw Hill telah dilakukan oleh 3 Penyelaras Program Diploma Fakulti serta 2 pensyarah yang lain. Tujuan pemilihan bahan ini dilakukan adalah untuk penyediaan dan menambahkan bahan program diploma fakulti bagi koleksi Perpustakaan Kampus Bandar. Sesи pemilihan ini telah diuruskan oleh Pustakawan Unit Perolehan Buku. Jumlah keseluruhan judul bahan yang dipilih dalam sesi ini adalah sebanyak 228 judul.

Satu pameran buku akademik anjuran Perpustakaan UTeM telah diadakan khusus untuk Institut Pengurusan Teknologi Dan Keusahawanan serta beberapa bahan bagi Pusat Jaminan Kualiti Dan Akreditasi. Pameran buku ini bertujuan memberi peluang kepada staf akademik memilih bahan yang bersesuaian untuk koleksi Perpustakaan Kampus Bandar. Pembekal Edu Resources telah di beri peluang mengadakan pameran ini dengan bahan-bahan di bawah daripada penerbit seperti Springer, Thomson, John Wiley dan lain-lain lagi. Jumlah bahan-bahan yang dipilih di pameran ini adalah sebanyak 107 judul bahan.



Satu pameran buku akademik anjuran Perpustakaan UTeM telah diadakan khusus untuk Fakulti Kejuruteraan Mekanikal, Fakulti Kejuruteraan Pembuatan, Fakulti Teknologi Maklumat Dan Komunikasi serta Pusat Bahasa Dan Pembangunan Insan. Pameran buku ini bertujuan memberi peluang kepada staf akademik memilih bahan yang bersesuaian dengan bidang masing-masing untuk koleksi Perpustakaan Kampus Industri. Pembekal RIMA Enterprise Sdn Bhd telah di beri peluang mengadakan pameran ini dengan bahan-bahan di bawah daripada penerbit seperti Springer, Taylor & Francis, John Wiley dan lain-lain lagi. Jumlah bahan-bahan yang dipilih di pameran ini adalah sebanyak 55 judul bahan.

Satu sesi pemilihan bahan di "showroom" Penerbit Pearson & Cengage telah dilakukan oleh 10 orang staf akademik. Tujuan pemilihan bahan ini dilakukan adalah untuk penambahan bahan dalam bidang teras fakulti masing-masing bagi koleksi Perpustakaan Kampus Tetap dan Kampus Industri. Sesи pemilihan ini telah diuruskan oleh Pustakawan Unit Perolehan Buku. Jumlah keseluruhan judul bahan yang dipilih dalam sesi ini adalah sebanyak 465 judul.

# AKTIVITI

## Persempahan KIK Perpustakaan UTeM

Program Kumpulan Inovatif & Kreatif (KIK) yang dahulunya sinonim dengan nama Kumpulan Meningkat Mutu Kerja (KMK) sememangnya telah diterima umum sebagai satu pendekatan berkesan untuk mengurangkan kos, meningkatkan kualiti, produktiviti dan mempertingkatkan daya saing dalam organisasi serta mempertingkatkan kepuasan pelanggan.

Objektif KIK adalah untuk mengenalpasti setiap permasalahan dan masalah utama yang wujud di setiap unit di Perpustakaan, memahami teknik penyelesaian masalah serta kaedah menjana idea yang kreatif dan inovatif. Di samping memupuk semangat kerjasama, berpasukan serta menyemai sifat kepimpinan dan mempertingkatkan keupayaan diri terhadap tugas yang telah dipertanggungjawabkan agar dapat dilaksanakan dengan betul dan cepat seterusnya meningkatkan kualiti dan produktiviti dalam memajukan sesuatu organisasi.

Sehubungan dengan itu, satu bengkel iaitu Bengkel Kumpulan Inovatif & Kreatif (KIK) telah diadakan oleh Perpustakaan UTeM pada 2 Jun hingga 4 Jun 2008 bertempat di Dewan Konvensyen, Kampus Bandar yang melibatkan 42 orang staff. Seramai 42 peserta bengkel KIK yang terdiri daripada staf perpustakaan UTeM telah dibahagikan kepada enam kumpulan yang mewakili unit-unit di perpustakaan iaitu Unit Rujukan, Unit Automasi, Unit Perolehan, Unit Sirkulasi, Unit Pengindeksan dan Unit Pentadbiran.

Setiap kumpulan yang dibentuk diberi masa selama tiga bulan untuk membincangkan kaedah-kaedah dalam melaksanakan program KIK melalui pertemuan dan perbincangan sesama ahli kumpulan dua minggu sekali (Rabu, 2 petang – 5 petang).

Kemuncaknya, satu pembentangan telah diadakan di hadapan tiga juri yang dilantik pada 17 Disember 2008 bertempat di Bilik Tayangan 2, Pejabat Perpustakaan. Perbentangan yang dirasmikan oleh Ketua Pustakawan merangkap Pengurus Jawatankuasa KIK, Pn. Hjh Faridah bt. Hj Md Amin, telah berlangsung dalam keadaan yang meriah dan jayanya.

Perbentangan tersebut diadili oleh tiga orang juri iaitu En. Mohd Khairul Idzwan b. Mohd Saad dari Perpustakaan Tun Abdul Razak, UiTM Shah Alam, Pn. Hjh Faridah bt. Hj Md Amin, Ketua Pustakawan dan Cik Siti Noor Kiah bt. Syed Abdul Malek, selaku Timbalan Ketua Pustakawan. Daripada perbentangan tersebut, Kumpulan Integriti yang mewakili Unit Perolehan diisyiharkan sebagai pemenang. Tempat kedua dimenangi oleh kumpulan Potensi yang mewakili Unit Sirkulasi dan tempat ketiga adalah kumpulan Evolusi yang mewakili Unit Pengindeksan.

Setiap kumpulan yang telah mengadakan perbentangan telah diberi komen dan penambahbaikan oleh juri mengenai persempahan masing-masing. Secara keseluruhannya, juri telah memberi komen dan panduan penambahbaikan yang berguna untuk dilaksanakan pada masa hadapan.



*Ucapan pembukaan oleh Penyelaras KIK*



*Barisan juri dan panel hakim*

*Pembentangan KIK oleh salah seorang kumpulan*



*Menyampaikan pembentangan*  
Dalam KIK


# PAMERAN BUKU

## JUALAN TERLARIS (BESTSELLER)

### FIKSYEN BAHASA INGGERIS

Pameran Bahan Baru bulan Ogos di Perpustakaan Kampus Induk fokus kepada Buku Jualan Terlaris (Bestseller) Fiksyen Bahasa Inggeris. Buku-buku ini **dipamerkan di Sudut Bahan Baru boleh terus dipinjam di kaunter oleh pengguna**. Di antara judul-judul tersebut adalah seperti berikut:-

BIL	JUDUL
1	Someone to love; Jude Deveraux
2	Skylight confessions; Alice Hoffman
3	Step on a crack; James Patterson
4	House of the red fish; Graham Salisbury
5	Small steps; Louis Sachar
6	Bleed out; Joan Brady
7	Dale Brown's dreamland : piranha; Dale Brown
8	The Da Vinci code; Dan Brown
9	Serpent's dance; Larry Brooks
10	Bad moon rising; Katherine Sutcliffe
11	The English assassin; Daniel Silva
12	House of shadows; Susan Bowden
13	The graveyard shift; Jack Higgins
14	Under fire; W.E.B Griffin
15	What you owe me; Bebe Moore Campbell
16	The oath; John Lescroart
17	Tom Clancy's power plays : cutting edge; Tom Clancy
18	Blood orchid; Stuart Woods
19	The short forever; Stuart Woods




Alice Hoffman

# Kelas KEMAHIRAN MAKLUMAT

Kelas Kemahiran Maklumat merupakan salah satu usaha Pejabat Perpustakaan melalui Unit Rujukan bagi memperkenalkan Perpustakaan kepada para pelajar dan staf baru UTeM. Program ini memberi peluang kepada mereka untuk beramah mesra bersama staf Pejabat Perpustakaan di samping memperkenalkan perkhidmatan - perkhidmatan yang ditawarkan oleh Perpustakaan. Disamping itu ianya juga bertujuan untuk menanamkan semangat cintakan Perpustakaan dengan harapan mereka akan lebih kerap untuk berkunjung ke Perpustakaan.

Di samping itu, unit ini juga sedia menerima permintaan untuk mengadakan kelas (kelas kemahiran maklumat) dari mana-mana pihak baik golongan pelajar (mahasiswa) maupun staf akademik dan pentadbiran dimana setiap modul yang dijalankan adalah berbeza mengikut kategori peserta. Pendedahan adalah berkaitan dengan perkhidmatan yang ditawarkan oleh Perpustakaan dalam usaha memudahkan pengguna mendapatkan bahan atau maklumat. Antaranya adalah yang berkaitan dengan kemudahan yang disediakan, jenis Pangkalan Data dan cara mengaksesnya, cara-cara penggunaan WebOpac, cara-cara menggunakan perkhidmatan seperti pembaharuan tarikh pinjaman atas talian, tempahan buku atas talian dan banyak lagi.



UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

# UTeM


اوپرسيٽي تکنیکال

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA






**Kampus Induk  
(Durian Tunggal)**



**Kampus Bandar  
(Hang Tuah Mall)**



**Kampus Industri  
(Cubic)**



**Kampus Lama  
(Shop-Houses)**